

# PROSEDUR PENYEDIAAN PETI PERTOLONGAN CEMAS

## (FIRST AID BOX)

---

### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pengurusan Universiti diperingkat induk atau Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi penyediaan Peti Pertolongan Cemas di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### 2.0 SKOP

Garis panduan ini digunapakai bagi penyediaan Peti Pertolongan Cemas untuk setiap bangunan, kawasan atau Pusat Tanggungjawab di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### 3.0 RUJUKAN

*Guidelines on first-aid facilities in the workplace, DOSH, Reprinted 2004.  
(GP (I) 06 / 2004).*

### 4.0 DEFINISI / SINGKATAN

PPC	Peti Pertolongan Cemas.
PTj	Pusat Tanggungjawab.
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
PIC	Orang yang Bertanggungjawab.
PKU	Pusat Kesihatan Universiti
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

### 5.0 KEPENTINGAN PETI PERTOLONGAN CEMAS

5.1 Menyimpan peralatan atau ubat-ubatan untuk melakukan pertolongan cemas bagi menyelamatkan nyawa, menghalang kecederaan menjadi lebih teruk dan juga menggalakkan penyembuhan.

5.2 Memenuhi keperluan perundangan:

5.2.1 Seksyen 15, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994

5.2.2 Seksyen 25, Akta Kilang dan Jentera 1967

5.2.3 Peraturan 38, Peraturan-peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera.

## 6.0 PENYEDIAAN PPC

- 6.1 PPC hendaklah disediakan disetiap kawasan kerja di PTj masing-masing.
- 6.2 Bilangan PPC hendaklah mencukupi dengan kawasan kerja dan bilangan pekerja/penghuni.

## 7.0 PENYELENGGARAAN PPC

- 7.1 PIC hendaklah memastikan PPC diselenggara dan sentiasa dalam keadaan baik.
- 7.2 PPC hendaklah sentiasa diperiksa bagi memastikan kandungannya mencukupi. Mana-mana bahan yang berkurangan hendaklah ditambah dan bahan-bahan yang 'luput tarikh' atau rosak hendaklah diganti semula.
- 7.3 Sebarang penambahan atau pertukaran kandungan PPC boleh dikemukakan kepada PKU dan hendaklah direkod di dalam Daftar PPC.
- 7.4 Rekod penyelenggaraan hendaklah dikemaskini dari masa ke masa dan disimpan dengan baik.

## 8.0 PENGGUNAAN PPC

- 8.1 Penggunaan peralatan atau ubatan yang digunakan dari PPC hendaklah direkod di dalam Buku Log Penggunaan PPC yang disediakan oleh PIC dan sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya hendaklah dilaporkan terus kepada Pejabat OSHE berdasarkan garis panduan Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan (NADOPOD)(OSHE/UTHM/GP013).
- 8.2 Buku Log Penggunaan PPC haruslah disimpan dengan baik.

## 9.0 REKABENTUK

- 9.1 PPC hendaklah dibuat daripada bahan kukuh dan mudah alih bagi membolehkannya di bawa ke tempat kemalangan.
- 9.2 PPC hendaklah dilabelkan dengan lambang bulan sabit (*crescent*) atau palang (*cross*) yang berwarna hijau dan berlatar belakang warna putih.
- 9.3 PPC hendaklah dilabel dengan maklumat PIC untuk dihubungi.

## 10.0 LOKASI

- 10.1 Setiap PPC hendaklah ditempatkan di lokasi yang ditanda dengan terang, mempunyai pencahayaan yang cukup dan mudah dicapai.

- 10.2 PPC hendaklah sentiasa dikunci, dan anak kuncinya disimpan oleh PIC serta boleh diperolehi sepanjang masa (waktu bekerja) apabila diperlukan.
- 10.3 Pekerja-pekerja/ pengguna hendaklah dimaklumkan tentang lokasi PPC ditempatkan.

## 11.0 KANDUNGAN

- 11.1 Kandungan yang disyorkan oleh JKPP. Rujuk **Lampiran 1**.
- 11.2 Bahan-bahan yang tidak berkaitan dengan pertolongan cemas hendaklah tidak disimpan di dalam PPC.
- 11.3 Ubat-ubatan atau bahan untuk dimakan atau diminum juga dilarang disimpan di dalam PPC.

## Kandungan Peti Pertolongan Cemas yang disyorkan oleh JKPP

1. 5 pembalut segi tiga 130cm x 90cm x 90cm
2. Pad mata (satu persatu) yang telah dicucihama
3. Pad kain kasa 4x4" tidak steril
4. Pad kasa 4x4" steril
5. Pad kasa 10x10" steril
6. Pembalut elastik
7. 4 Pembalut roller 7.5 cm
8. 4 Pembalut roller 3 cm.
9. 4 Pembalut roller 2.5 cm
10. Gel kompres pek sejuk
11. *Dressing*
12. Sepasang sarung tangan (pakai buang/tidak steril)
13. Gunting pembalut keluli tahan karat
14. Plaster pelekat
15. Pembalut/kain kasa pelbagai trauma yang disteril (*Sterile multi-trauma dressing/gauze*)
16. Pad persediaan alkohol
17. Cetavlon
18. Putik kapas
19. Peranti penghalang untuk CPR (topeng poket, pelindung muka) (*Barrier device for CPR (pocket mask, face shield)*)
20. Elastoplast/balutan pelekat steril
21. Pin keselamatan untuk pembalut segi tiga
22. Termometer
23. Manual pertolongan cemas
24. Beg sisa kalis air
25. Inventori kandungan kotak (senarai semak)